

## PENGERTIAN KECERDASAN

Pengertian kecerdasan adalah termasuk kebolehan untuk memperolehi pengetahuan, keupayaan untuk berfikir di dalam situasi yang kompleks dan kebolehupayaan untuk menyelesaikan masalah.

Darjah kecerdasan (DK) atau dalam bahasa Inggerisnya Intelligence Quotient (IQ) dikatakan mempengaruhi keupayaan individu dalam mempelajari sesuatu. Perbezaan darjah kecerdasan antara dua individu telah dikenalpasti ada kaitannya dengan perbezaan tahap kemampuan, kebolehan serta keupayaan. Individu yang mempunyai DK yang tinggi selalunya akan lebih mudah memahami sesuatu pembelajaran daripada individu yang mempunyai DK yang rendah.

Dalam proses kognitif, perkembangan urat saraf dan otak mempunyai hubungan yang sangat rapat. Oleh itu keupayaan proses kognitif bergantung kepada darjah kecerdasan yang dimiliki oleh seseorang individu itu. Orang yang cerdas otaknya akan menggunakan rangsangan dengan lebih berkesan, dapat mengurus maklumat yang diterima untuk membina konsep dan seterusnya menyelesaikan masalah lebih cepat daripada orang yang kurang darjah kecerdasannya.

## DEFINISI KECERDASAN

Kamus Dewan 1991, kecerdasan boleh dertiakan sebagai kesempurnaan akan (untuk berfikir, mengerti dan lain-lain) seperti kepandaian, kepintaran dan kecerdikan. Atan Long 1978, kecerdasan dapat ditafsirkan sebagai kebolehan untuk melakukan pemikiran secara mujarad, kebolehan untuk membuat penyeluruhan dan cara tindakan terhadap sesuatu situasi yang bermasalah. Kecerdasan yang umum termasuk kebolehan untuk melakukan fikiran secara abstrak, dan selalunya tingkah laku menjadi petunjuk darjah kecerdasan seseorang.

Menurut David Wechsler (1975), kecerdasan adalah kebolehan seseorang individu memahami alam persekitarannya, dirinya dan kepakaran yang ada padanya yang boleh menolong dia menghadapi cabaran hidup. Kebolehan ini adalah bersifat sejagat ataupun universal. Binet (1905), memberikan erti kecerdasan sebagai kesanggupan yang membolehkan seseorang itu menyesuaikan diri dan kebolehan dalam memberikan pertimbangan yang kritikal terhadap diri sendiri. Faktor utama kecerdasan ialah kebolehan dan keupayaan untuk membuat pentakulan, pemahaman dan penilaian terhadap sesuatu situasi dan keadaan yang dihadapi.

Galton (1869), Catell (1890) dan Hall (1884-1924), bersetuju bahawa kecerdasan adalah diwarisi. Perkembangan DK manusia pada dasarnya ditentukan dan tidak boleh berubah. Orang yang bijak

datangnya daripada keluarga dan keturunan yang bijak juga. Terman (1916), pula menyatakan bahawa kebolehan untuk menjalankan pemikiran cara abstraks dalam penyelesaian masalah, serta keupayaan luar biasa dalam penekanan dan penggunaan aspek perbendaharaan kata adalah menunjukkan bahawa DK dalam penguasaan bahasa. Sementara itu Anastasi (1966), mentakrifkan kecerdasan sebagai penilaian tahap DK yang akan melihat kepada tahap intelek yang am dan bukannya yang spesifik.

Kesimpulannya definisi DK mempunyai pelbagai tafsiran. Selalunya tafsiran istilah adalah jauh berbeza dengan tafsiran ahli psikologi. Ada ahli psikologi yang menyamakan kecerdasan dengan kebolehan (ability) dan ada pula yang menyamakan kecerdasan dengan keupayaan (capability). Tidak kurang juga ahli psikologi yang menyatakan bahawa kecerdasan adalah diwarisi dan dibina oleh suasana pembelajaran.